

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Khamis, 21 Disember 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI AKAUN SATELIT PELANCONGAN WILAYAH SABAH 2022

**Industri Pelancongan Sabah merekodkan RM13.0 bilion pada 2022,
menyumbang 10.7 peratus kepada ekonomi negeri**

PUTRAJAYA, 21 DISEMBER 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) julung kali menerbitkan **AKAUN SATELIT PELANCONGAN WILAYAH (ASPW) SABAH 2022**. Majlis pelancaran bagi penerbitan ini telah diadakan di Kota Kinabalu pada hari ini, 21 Disember 2023. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Joniston Bangkuai, Pembantu Menteri mewakili Menteri Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar Sabah dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kejayaan penyusunan ASPW Sabah 2022 ini merupakan kerjasama di antara DOSM dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar Negeri Sabah (KePKAS) & Lembaga Pelancongan Sabah (LPS)". ASPW Sabah menyediakan indikator dan statistik yang komprehensif berkaitan dengan pelancongan dalam satu penerbitan. RTSA adalah satu kerangka untuk mengukur perkembangan industri pelancongan dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah.

Pembukaan semula pintu-pintu masuk sempadan negara telah memberi impak positif dan menggalakkan pemulihan sektor pelancongan Sabah. Pada tahun 2022, jumlah ketibaan pelawat ke Sabah mencecah 1.73 juta orang, meningkat 365.5 peratus berbanding hanya 0.4 juta orang yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Kelonggaran sekatan perjalanan dikebanyakan negara dan peralihan negara ke fasa endemik adalah masa yang sangat sesuai ASPW Sabah 2022 ini

dilaksanakan. Penemuan daripada ASPW Sabah 2022 ini boleh digunakan untuk mengkaji semula struktur pergerakan pelancong, serta melihat ciri-ciri dan prestasi pelancongan selepas pandemik khususnya di Sabah.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, "Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP) Sabah pada 2022 mencatatkan RM13.0 bilion dengan sumbangan sebanyak 10.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah. NDKIP Sabah menyumbang 5.2 peratus kepada NDKIP Malaysia dan 0.7 peratus kepada KDNK Malaysia. Manakala, Keluaran Dalam Negeri Kasar Pelancongan Langsung (KDNKPL) merekodkan RM3.2 bilion dengan sumbangan 2.6 peratus kepada KDNK Sabah. Prestasi industri pelancongan Sabah pada tahun 2022 didorong oleh usaha kerajaan negeri antaranya meneruskan perkhidmatan penerbangan masuk ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) seperti dari Singapore, Korea Selatan dan Thailand, serta penerbangan domestik dari Terengganu ke Kota Kinabalu."

Sementara itu, perbelanjaan pelancongan *inbound* di Sabah mencatatkan RM2.7 bilion pada 2022. Pelawat dari Semenanjung Malaysia merupakan penyumbang utama kepada perbelanjaan pelancongan *inbound* dengan mencatatkan sumbangan 63.7 peratus (RM 1.7 bilion). Manakala pelawat dari luar negara dan Sarawak pula masing-masing menyumbang 23.0 peratus (RM0.6 bilion) dan 13.2 peratus (RM0.4 bilion) pada tempoh yang sama.

Selanjutnya, prestasi industri pelancongan Sabah dipacu oleh perbelanjaan pelancongan yang dilakukan oleh residen Sabah dengan merekodkan RM3.5 bilion. Pencapaian perbelanjaan pelancongan domestik yang signifikan ini menyumbang 56.5 peratus kepada jumlah penggunaan pelancongan *internal* yang merangkumi perbelanjaan pelancongan *inbound* dan domestik. Dari segi guna tenaga industri pelancongan di Sabah, ia merekodkan penglibatan seramai 427 ribu orang bekerja pada tahun 2022 dan menyumbang sebanyak 22.8 peratus kepada jumlah keseluruhan guna tenaga di Sabah.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkongsi jangkaan beliau untuk industri pelancongan di Sabah, menyatakan, "Berdasarkan kepada senario semasa dan dengan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi merancakkan industri

pelancongan antaranya *Community-Based Tourism Roadshow*, diramalkan ketibaan pelancong ke Sabah pada tahun 2023 akan terus meningkat dan secara tidak langsung akan memberi sumbangan kepada ekonomi Sabah. Sepanjang sepuluh bulan pertama 2023, didapati seramai 2.11 juta ketibaan pelawat ke Sabah, meningkat 56.1 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2022 (1.36 juta).

Penerbitan RTSA Sabah 2022 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (www.dosm.gov.my).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Paparan: Sorotan Akaun Satelit Pelancongan Wilayah Sabah 2022

Industri pelancongan menyumbang **10.7%** kepada ekonomi Sabah



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
21 DISEMBER 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 21 December 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR REGIONAL TOURISM SATELLITE ACCOUNT SABAH 2022**

Sabah's Tourism Industry recorded RM13.0 billion in 2022, contributing 10.7 per cent to state economy

PUTRAJAYA, 21 DECEMBER 2023 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) for the first time published the **REGIONAL TOURISM SATELLITE ACCOUNT (RTSA) SABAH 2022**. The launching ceremony for this publication was held in Kota Kinabalu today, 21 December 2023. The ceremony was launched by YB Datuk Joniston Bangkuai, the Assistant Minister represented Minister of Tourism, Culture & Environment of Sabah and also attended by YBhg Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The success of the compilation of RTSA Sabah 2022 is a collaboration between DOSM and the Ministry of Tourism, Culture & Environment (KePKAS) & Sabah Tourism Board (STB)". RTSA Sabah provides comprehensive indicators and statistics related to tourism in a single publication. RTSA is a framework to measure the development of the tourism industry and its contribution to Sabah's Gross Domestic Product (GDP).

The re-opening of the national border has positively impacted and encouraged the recovery of Sabah's tourism sector. In 2022, the number of visitor arrivals to Sabah reached 1.73 million people, an increase of 365.5 per cent compared to only 0.4 million people recorded in the previous year. The relaxation of travel restrictions in most countries and the country's transition to the endemic phase is a very suitable time for RTSA Sabah 2022 to be implemented. The findings from RTSA Sabah 2022

can be used to review the structure of tourist movement, as well as to look at the characteristics and performance of tourism after the pandemic, especially in Sabah.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained, "Sabah's Gross Value Added of Tourism Industries (GVATI) in 2022 recorded RM13.0 billion with a contribution of 10.7 per cent to Sabah's Gross Domestic Product (GDP). Sabah's GVATI contributes 5.2 per cent to Malaysia's GVATI and 0.7 per cent to Malaysia's GDP. Meanwhile, Tourism Direct Gross Domestic Product (TDGDP) recorded RM3.2 billion with a contribution of 2.6 per cent to Sabah's GDP. The performance of Sabah's tourism industry in 2022 was propelled by the state government's efforts, including the continuation of inbound flight services to Kota Kinabalu International Airport (KKIA) such as from Singapore, South Korea and Thailand, as well as domestic flights from Terengganu to Kota Kinabalu."

Meanwhile, inbound tourism expenditure in Sabah recorded RM2.7 billion in 2022. Visitors from Peninsular Malaysia are the main contributors to inbound tourism expenditure spending with a contribution of 63.7 per cent (RM1.7 billion). Visitors from abroad and Sarawak contributed 23.0 per cent (RM0.6 billion) and 13.2 per cent (RM0.4 billion) respectively in the same period.

Furthermore, the performance of Sabah's tourism industry is driven by tourism expenditure by Sabah residents, recording RM3.5 billion. This significant achievement of domestic tourism expenditure contributed 56.5 per cent to the total consumption of internal tourism which includes inbound and domestic tourism expenditure. In terms of employment in the tourism industry in Sabah, it recorded the involvement of 427 thousand persons working in 2022 and contributed 22.8 per cent to the total employment in Sabah.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also shared his expectations for the tourism industry in Sabah, stating, "Based on the current scenario and with the efforts implemented by the government towards boosting the tourism industry such as the Community-Based Tourism Roadshow, it is predicted that visitor arrivals to Sabah in 2023 will continue to increase and will indirectly give contribution to Sabah's economy. In the first ten months of 2023, there were 2.11 million visitor arrivals to Sabah, an increase of 56.1 per cent compared to the same period in 2022 (1.36 million).

The publication of RTSA Sabah 2022 can be downloaded for free at the Department of Statistics Malaysia portal (www.dosm.gov.my).


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Exhibit: Highlights of Regional Tourism Satellite Account Sabah 2022

Tourism industry contributed **10.7%** to the Sabah's economy



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

21 DECEMBER 2023